

# Pencipta Jurai 'derhaka'

12/2/88

Oleh BUSTAMAM AHMAD

SEREMBÁN, Khamis — Jurai Telaga Undang tidak diliktiraf oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri serta Perlembagaan Negeri Sembilan kerana ia dicipta oleh orang yang dianggap 'penderhaka' kepada Luak Sungai Ujong.

Segala salasilah keturunan, termasuk Jurai Telaga Undang yang dicipta oleh mereka yang terbukti melakukan penyelewengan, adalah tidak sah mengikut aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong, kata sumber-sumber tertinggi adat di sini hari ini.

"Orang yang bertanggungjawab mencipta Jurai Telaga Undang ialah Raja Aman Raja Hussin yang dibuktikan oleh fakta sejarah melakukan penyelewengan terhadap Luak Sungai Ujong apabila dia menggadalkan dan seterusnya menjual Semenyih dan Klang kepada Selangor.

"Perbuatan seperti itu dianggap sebagai satu kesalahan besar di segi aturan adat dan itulah sebabnya pihak berkuasa tidak dapat mengiktiraf Jurai Telaga Undang kerana ia dicipta oleh orang yang dibuktikan oleh sejarah bertanggungjawab melakukan kesalahan adat," kata sumber-sumber itu kepada Berita Harian.

Semenyih dan Klang sebelum itu adalah antara kawasan yang ditakluki oleh Luak Sungai Ujong.

Menurut sumber-sumber itu, aturan adat tidak

boleh dirombak atau diubahsuai mengikut kehendak hati mana-mana pihak, termasuk mereka yang berkuasa seperti Undang dan Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai serta ketua-ketua adat yang lain.

Ini adalah selaras dengan kata adat bahawa "Adat yang sebenarnya mengawal pesaka dan bukannya penyandang pesaka (Undang atau Datuk-Datuk Ketua Adat yang lain) yang mengawal adat".

Dipercaiyai bahawa anak-anak Waris di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong menyimpan salinan dua Terombo yang berlainan isi kandungannya antara satu sama lain.

Difahamkan keseluruhan anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Bayu memiliki salinan Jurai Telaga Undang manakala anak-anak Waris Rumpun Tinggang pula menyimpan salinan Terombo Asal Luak itu.

Anak-anak Waris Rumpun Tinggang sebelum ini pernah mendakwa bahawa Terombo Asal Luak Sungai Ujong dipalsukan oleh sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu untuk kepentingan sendiri.

Isu pemalsuan Terombo Asal Luak itu dikatakan adalah antara punca utama yang menyebabkan usaha mencari bakal penyandang pesaka Datuk Kelana Putra (Undang) ke-10 menemui jalan buntu sejak lebih empat tahun lalu.